

MINIT MESYUARAT 1:1/2012
KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

Tarikh: 15 Jun 2012, Jumaat

Masa: 2.30-5.00 petang

Tempat: MR1, INCEIF

Senarai kehadiran

1. Puan Siti Salbiah Raduan (INCEIF) – Pengerusi
2. Puan Azenita Abdullah (INCEIF) - Setiausaha
3. Mohd Hanif Abdul Malek (INCEIF)
4. Puan Thami Munisah Mohamed Yusoff (Asia e-University)
5. Puan Emily Lim Suan Hoon (KDU University College)
6. Puan Lee Hui Ken (UTAR)
7. Cik Annette Sagayamalar A/P P J Wilson (UTAR)
8. Puan Norhana binti Mohd Taha @ Talhah (UNIRAZAK)
9. Puan Kamariah Binti Ramli (UNIRAZAK)
10. Encik Dahlan Samad (Wakil PNM – Penasihat/Ahli Tetap)

Tidak hadir dengan sebab

1. Encik Hasbullah Atan (Albukhary International University)
2. Puan Zuhanariah Mohd Nordin (International Medical University)
3. Encik Azman Abdul Rahim (UMTECH)
4. Puan Fauziah Abdullah (Monash University)

Tidak hadir

1. Mr Jason Andrew Polko (KLIUC)
2. Encik Muhammad Arif Osman (KIA)
3. Wakil Bahagian Governan IPTS, MOHE

1. Ucapan aluan Pengerusi
Pengerusi mengalu-alukan kehadiran AJK dan memberitahu tentang ahli yang tidak dapat hadir serta sebab-sebabnya.
2. Pembentangan dan pengesahan Minit Mesyuarat Penubuhan KKPI
 - 2.1. Pengerusi memaklumkan bahawa Setiausaha telah menghantar draft kepada semua ahli mesyuarat.
 - 2.2. Semua ahli mesyuarat bersetuju mengesahkan minit yang lepas.
3. Laporan kumpulan kerja kecil
 - 3.1. Jawatankuasa kecil Kumpulan Pangkalan Data (dikuasai oleh Puan Lee Hui Ken)
 - 3.1.1. Mencadangkan agar sebuah konsortium dibentuk dengan menjemput semua IPTS yang disenarai oleh MOHE bagi mendapatkan harga istimewa bagi melanggan pangkalan data daripada pembekal. Institusi hendaklah memberi tahu nama-nama pangkalan data yang mereka perlukan. Institusi akan dipecahkan kepada kluster-kluster mengikut

MINIT MESYUARAT 1:1/2012
KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

pengkhususan. *Feasibility study* akan dijalankan bagi menentukan kesesuaian sesebuah institutusi.

- 3.1.1.1. Tindakan sekretariat: memberikan senarai IPTS yang berada dibawah MOHE dan memaklumkan jika mereka berminat untuk menyertai konsortium yang akan ditubuhkan.

3.2 Jawatankuasa kecil Kolaborasi dan Pembangunan (Diketuai oleh En. Azman)

- 3.2.1 Dibentangkan oleh Pn Norhana. Jawatankuasa mencadangkan pangkalan data MYTO (Malaysian Thesis Online), My U-list dan *institutional repository* dikongsi bersama perpustakaan IPTS.
- 3.2.2 Abstrak atau 24 muka surat yang pertama thesis dan disertasi yang dihasilkan oleh IPTS dikongsi didalam portal/web yang akan dibangunkan untuk berhubung sesama IPTS.
- 3.2.3 Penambahbaikan dari segi pinjaman antara perpustakaan *inter-library loan* (ILL) sesama IPTS dan IPTA.
- 3.2.4 Hadiah dan pertukaran: setiap institusi yang mempunyai stok hadiah berupa buku tetapi bukan dalam bidang atau program mereka untuk diedar kepada IPTS yang lain.
- 3.2.5 Membangunkan laman sesawang sebagai platform dibawah kendalian jawatankuasa kolaborasi, perkhidmatan baru dan pembangunan
- 3.2.6 Pengerusi mencadangkan bengkel atau kursus berkaitan kepustakawanan dan mesyuarat KKPI diadakan pada hari yang sama disebelah pagi dan petang di tempat berlangsungnya mesyuarat.

3.3 Laporan Jawatankuasa Standard Perpustakaan (Diketuai oleh Pn. Munisah)

- 3.3.1 Setiap minit dan keputusan mesyuarat akan diedarkan kepada wakil MOHE dan PNM untuk menggubal standard baru jika ada.
- 3.3.2 Mesyuarat bersetuju Pn. Munisah selaku ketua jawatankuasa Standard membuat rangka perbincangan dan akan dibincangkan pada mesyuarat yang akan datang.

4. Penetapan dan penyelerasan bidang tugas KKPI

- 4.1. Penetapan dan bidang tugas setiap jawatankuasa yang mengetuai standard, pangkalan data, kolaborasi dan *benchmarking* menyenaraikan secara ringkas peranan skop dan bidang tugas kepada sekretariat untuk dikumpulkan yang akan disahkan pada mesyuarat yang akan datang.

5. Perbincangan isu-isu governan

- 5.1. Mesyuarat bersetuju menetapkan bahawa mesyuarat jawatankuasa akan diadakan tiga kali setahun dan mesyuarat agung tahunan dan pemilihan dua tahun sekali.
- 5.2. Ahli jawatankuasa mencadangkan agar Perpustakaan Negara Malaysia mengeluarkan surat jemputan kepada semua AJK untuk menghadiri bagi menghadiri mesyuarat jawatankuasa kecil dan kepada perpustakaan IPTS.

6. Perkara-perkara lain

- 6.1. INCEIF menyatakan kesukaran untuk meneruskan tugas dan tanggungjawab sebagai Pengerusi berikutan Puan Salbiah Raduan akan bersara mulai 1/7/2012. INCEIF meminta

MINIT MESYUARAT 1:1/2012
KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI)

kepada mesyuarat untuk memilih pengerusi baru demi menjamin kelangsungan KKPI yang baru ditubuhkan.

- 6.2. Mesyuarat bersetuju sebulat suara melantik Ecik. Azman Abdul Rahim selaku Pengerusi KKPI menggantikan Puan Salbiah.
 - 6.3. Fail dan minit mesyuarat akan dihantar kepada Pengerusi dan Setiausaha KKPI yang baru Puan Kamariah Ramli.
 - 6.4. Minit mesyuarat juga mestilah dihantar kepada YDP Persatuan Perpustakaan Malaysia, Dr. Shariff.
7. Ucapan penangguhan
- 7.1. Mesyuarat selanjutnya akan diadakan pada bulan September atau Oktober di Asia E-University dan akan dipengerusikan oleh En. Azman Rahim dari UMTECH.

Disediakan oleh:

MOHD HANIF ABDUL MALEK
Setiausaha

Disahkan oleh:

AZENITA ABDULLAH
b.p Pengerusi KKPI